maka kajian berterusan bagi mengkaji tahap kecekapan reka bentuk balai-balai polis di Malaysia perlu dijalankan sebagai usaha memastikan semua balai polis ini terus mampu wujud sebagai elemen keselamatan serta kekal relevan kepada keperluan pasukan PDRM khususnya dalam melaksanakan prosedur operasi standard (SOP) di setiap balai polis. Justeru, dengan memiliki fasiliti (balai polis) yang cekap dan kekal relevan, maka dapatlah PDRM memberikan perkhidmatan keselamatan dan penjagaan keamanan terbaik kepada masyarakat secara keseluruhannya.

## **1.2 Latar belakang kajian**

Balai polis secara konsepnya adalah tempat pertama yang dituju masyarakat awam bertujuan membuat aduan atau laporan apabila wujudnya aktiviti salah laku atau jenayah ke atas mereka atau orang lain (KPN, 2017). Berdasarkan kepada kefahaman terhadap konsep balai polis sebagai rujukan utama masyarakat ini, maka usaha penambahbaikan reka bentuk balai-balai polis yang tidak lagi relevan dan sudah uzur perlu dilaksana, supaya suatu daptan kajian boleh dijadikan rujukan bagi membantu penyediaan reka bentuk balai-balai polis baharu (mahupun program menaik taraf) yang mematuhi kehendak SOP dan keperluan pasukan PDRM, justeru kajian ini dilaksanakan.

Di samping itu, kajian ini tidak semata-mata dilaksanakan berdasarkan penilaian reka bentuk fizikal balai semata-mata, namun ia turut menitikberatkan faktor kepuasan pelanggan akhir bangunan balai (iaitu pihak PDRM) berserta keperluan memelihara identiti dan imej bangunan keselamatan yang mesra pengguna, dan dapat diguna dengan kos penyenggaraan bangunan yang minima berdasarkan garis panduan PEMANDU (2010).

Di dalam bahagian-bahagian seterusnya, gambaran keseluruhan kajian bermula dari pernyataan masalah, objektif, skop, kepentingan, kaedah kajian, sehingga ke kepada kerangka penulisan kajian penyelidikan akan dibincangkan.

### **1.3 Pernyataan masalah**

Pernyataan masalah yang menjadi asas utama kepada wujudnya kajian ini, iaitu:

- i. Adakah kewujudan balai-balai polis sediaada masih berfungsi relevan dengan konteks keperluan bangunan keselamatan semasa?

Terdapat lompong yang besar dari sudut keperluan sesebuah balai polis yang dibina terdahulu, berbanding dengan keperluan dan SOP balai polis PDRM pada masa kini. Kesesuaian fungsi reka bentuk balai-balai polis terdahulu perlu dikaji semula supaya seiring dengan keperluan penjagaan keselamatan awam semasa yang kian mencabar. Balai-balai polis sekarang perlu lebih peka kepada suasana keselamatan semasa walaupun terpaksa mengekalkan struktur bangunan lama atau sediaada (dengan kaedah menaik taraf dan mengubahsuai balai-balai sebagai tindakan jangka pendek bertujuan bagi memenuhi keperluan berkhidmat untuk masyarakat). Isu-isu keselamatan semasa di Malaysia (akan dibincangkan dalam Bab 2) juga akan membantu memberikan lebih penjelasan kepada keperluan usaha penambahbaikan nilai ini.

## **1.4 Persoalan kajian**

Terdapat tiga (3) persoalan yang wujud di dalam kajian ini, iaitu:

- i. Adakah pengaplikasian langkah-langkah keselamatan fizikal bangunan balai-balai polis di Malaysia mematuhi keperluan dan SOP PDRM?;
- ii. Adakah pengguna akhir (anggota pasukan PDRM) boleh menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan semasa beroperasi menggunakan reka bentuk dan fasiliti bangunan balai polis sediaada?; dan
- iii. Adakah reka bentuk balai-balai polis sediaada berdasarkan SOP dan keperluan semasa PDRM?

## **1.5 Objektif kajian**

Fokus utama kajian ini adalah bertujuan untuk menilai dan mengenalpasti tahap kecekapan reka bentuk, serta kaedah penambahbaikan nilai terbaik buat sesebuah balai polis di Malaysia melalui penyelesaian reka bentuk senibinaan yang paling berkesan, supaya semua balai polis di Malaysia dapat direka bentuk seterusnya dibina seiring dengan keperluan dan SOP PDRM. Terdapat tiga (3) objektif yang cuba dicapai di dalam kajian ini, ia adalah seperti berikut:

- i. Mengkaji tahap pengaplikasian langkah-langkah keselamatan fizikal (seperti diwartakan dalam Arahan Keselamatan) bangunan keselamatan (balai polis) sediaada;
- ii. Menilai tahap kepuasan pengguna akhir (anggota pasukan PDRM) terhadap reka bentuk balai polis sediaada; dan
- iii. Mengenalpasti tahap kecekapan reka bentuk balai polis sediaada berdasarkan SOP dan keperluan semasa pengoperasian PDRM.

## **1.6 Skop kajian**

Pada masa kajian ini ditulis, terdapat sebanyak 767 buah balai polis sediaada di seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian kes hanya dijalankan ke atas sembilan (9) balai polis terpilih mengikut dua (2) kategori berlainan, iaitu Balai Polis Bandar, dan Balai Polis Separuh Bandar, di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang, Selangor (tiga buah), IPD Johor Bahru (Utara), Johor (tiga buah), dan IPD Timur Laut, Pulau Pinang (tiga buah). Senarai penuh nama balai-balai polis terlibat bersama kod pengenalan dan kategori masing-masing dinyatakan dalam Jadual 1.1 di bawah. Kategori A dan B ialah Balai Polis Bandar, manakala C adalah Balai Polis Separuh Bandar. Perbezaan utama di antara balai polis kategori A dan B adalah dari segi bilangan perjawatan yang disediakan di balai-balai polis berkenaan.

**Jadual 1.1** Senarai penuh balai-balai polis kajian.

No.	Kod	Nama Balai Polis	Negeri	Kategori
1.	S01	Balai Polis Dato Abu Bakar Baginda	Selangor	C
2.	S02	Balai Polis Bandar Baru Salak Tinggi	Selangor	A
3.	S03	Balai Polis Sepang	Selangor	B
4.	J01	Balai Polis Skudai	Johor	A
5.	J02	Balai Polis Taman Ungku Tun Aminah	Johor	B
6.	J03	Balai Polis Taman Universiti	Johor	C
7.	P01	Balai Polis Jalan Patani	Pulau Pinang	A
8.	P02	Balai Polis Dato' Keramat	Pulau Pinang	B
9.	P03	Balai Polis Batu Feringghi	Pulau Pinang	C

Justifikasi bagi pemilihan lokasi-lokasi balai polis kajian kes adalah merujuk kepada keperluan pewujudan sesebuah balai polis berdasarkan kepada:

- i. Perjawatan yang diluluskan dalam PDRM;
- ii. Jumlah populasi masyarakat setempat;
- iii. Kadar indeks jenayah;
- iv. Lokasi berisiko tinggi jenayah berlaku (*hot spot*); dan
- v. Persempadan kawasan.

Fokus kajian ini adalah terhadap empat (4) keperluan pewujudan sesebuah balai polis iaitu (i) perjawatan pegawai dan anggota balai polis yang diluluskan, (ii) jumlah populasi masyarakat, (iii) kadar indeks jenayah, dan (iv) lokasi berisiko tinggi jenayah berlaku (*hot spot*) yang dijana melalui kes-kes jenayah yang berlaku dan dilaporkan. Fokus kajian ini juga adalah terhadap tiga (3) buah negeri yang mempunyai indeks jenayah yang tertinggi masing-masing di Zon Utara, Zon Tengah, dan Zon Selatan, bagi tempoh tiga (3) tahun berakhir 2014 sehingga 2017. Zon Pantai Timur dan Zon Borneo tidak dipilih (buat masa ini) dimana kajian boleh dijalankan pada masa hadapan. Didapati Pulau Pinang (Zon Utara), Johor (Zon Selatan), dan Selangor (mewakili Zon Tengah yang melebihi Kuala Lumpur walaupun turut mencatat jumlah kes tinggi di Malaysia) dan secara berterusannya mempunyai jumlah indeks jenayah paling tinggi di Malaysia (mewakili zon masing-masing). Satu lagi faktor pemilihan balai-balai polis yang dipilih sebagai skop kajian ini, adalah merujuk kepada balai-balai polis yang mempunyai jumlah indeks jenayah yang paling tinggi mengikut kategori jenis balai. Jadual 1.2 di muka surat berikut menunjukkan, jumlah indeks jenayah yang dilaporkan berlaku di seluruh negara berakhir pada tahun 2017.

**Jadual 1.2** Indeks jenayah yang dilaporkan di seluruh negara berakhir tahun 2017.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.

KESALAHAN	SELATAN		TENGAH		UTARA		TIMUR		BORNEO		JUMLAH				
	JOHOR	MELAKA	NEGERI SEMBILAN	KUALA LUMPUR	SELANGOR	PERAK	PULAU PINANG	KEDAH	PERLIS	PAHANG	KELANTAN	TERENGGANU	SABAH	SARAWAK	
<b>JENAYAH KEKERASAN :</b>															
BUNUH	70	13	17	41	105	42	28	17	-00	15	10	11	60	27	456
ROGOL	274	60	107	93	305	96	65	165	31	134	144	81	193	138	1,886
SAMUN BERKAWAN BERS/API	10	2	2	13	7	8	2	2	-00	-00	1	-00	3	15	65
SAMUN BERKAWAN TANPA BERS/API	1,308	610	474	2,272	4,028	539	406	461	17	234	71	88	118	281	10,907
SAMUN BERPENJATAPI	3	-00	2	4	-00	1	1	2	-00	1	1	1	-00	2	18
SAMUN TANPA S/API	447	276	223	710	905	197	224	194	9	58	25	59	60	76	3,463
MENCEDERAKAN	708	193	259	643	1,260	412	462	398	52	209	291	167	213	414	5,681
<b>JUMLAH (A)</b>	<b>2,320</b>	<b>1,154</b>	<b>1,084</b>	<b>3,776</b>	<b>6,610</b>	<b>1,295</b>	<b>1,188</b>	<b>1,239</b>	<b>109</b>	<b>651</b>	<b>543</b>	<b>407</b>	<b>647</b>	<b>953</b>	<b>22,476</b>
<b>JENAYAH HARTABENDA :</b>															
CURI	2,073	519	1,015	3,595	4,793	955	1,010	1,082	192	622	613	447	1,648	1,330	19,894
CURI MOTOKAR	1,443	170	177	2,104	3,309	386	449	497	20	254	614	203	233	748	10,607
CURI MOTOSIKAL	4,686	1,246	1,053	3,864	8,890	2,112	3,601	3,125	228	1,399	1,945	949	850	2,006	35,954
CURI VAN / Lori / JENTERA BERAT	400	25	116	495	1,140	118	110	111	4	103	90	28	136	174	3,050
CURI RAGUT	44	6	6	1,288	983	60	191	99	17	29	61	8	96	75	2,963
PECAH RUMAH DAN CURI	1,475	544	1,023	1,867	5,497	915	917	1,287	85	719	682	452	1,757	1,540	18,760
<b>JUMLAH (B)</b>	<b>10,121</b>	<b>2,510</b>	<b>3,390</b>	<b>13,213</b>	<b>24,612</b>	<b>4,546</b>	<b>6,278</b>	<b>6,201</b>	<b>546</b>	<b>3,126</b>	<b>4,005</b>	<b>2,087</b>	<b>4,720</b>	<b>5,873</b>	<b>91,228</b>
<b>JUMLAH JENAYAH INDEKS (A+B)</b>	<b>12,941</b>	<b>3,664</b>	<b>4,474</b>	<b>16,989</b>	<b>31,222</b>	<b>5,841</b>	<b>7,466</b>	<b>7,440</b>	<b>655</b>	<b>3,777</b>	<b>4,548</b>	<b>2,494</b>	<b>5,367</b>	<b>6,826</b>	<b>113,704</b>

## 1.7 Limitasi kajian

Segala maklumat TERPERINGKAT dan SULIT yang diperolehi melalui kajian ini adalah dikategorikan sebagai RAHSIA di bawah peruntukan (*Akta Rahsia Rasmi, 1972*). Maklumat tersebut tidak akan didedahkan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan, untuk mengelakkan isu kebocoran maklumat demi keselamatan negara. Selain itu, terdapat juga beberapa masalah semasa menjalankan kajian, dan di antaranya adalah (i) kebenaran melaksanakan kajian yang diperlukan dari pihak atasan KDN, dan pihak PDRM, dan ia tertakluk kepada (*Akta Rahsia Rasmi, 1972*) dan (ii) sumber rujukan berkenaan reka bentuk bangunan keselamatan yang terhad.

Walaupun sumber-sumber rujukan bertulis berkenaan reka bentuk bangunan keselamatan adalah terhad, namun maklumat-maklumat masih berhasil didapatkan dari beberapa sumber yang relevan dan dipercayai seperti melalui laman-laman sesawang Kementerian Dalam Negeri (KDN), PDRM, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKKM), dan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Rujukan turut dijalankan bagi beberapa dokumen dan laman sesawang luar negara yang mempunyai sumber berkaitan dengan reka bentuk bangunan keselamatan luar negara seperti *Ministry of Home Affairs* (Singapura), *Institute of Public Policy Research* (United Kingdom), dan *The Department of Justice* (Amerika Syarikat).

### **1.8 Kepentingan kajian**

Seperimana yang telah dinyatakan dalam objektif kajian, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kecekapan reka bentuk senibinaan sesebuah balai polis, dan hasil dari kajian ini diharapkan akan dapat:

- i. Membantu pasukan pereka bentuk memahami bagaimana sesebuah bangunan balai polis sepatutnya dihasilkan;
- ii. Memberikan panduan kepada pihak pengguna akhir, dan perunding (iaitu pihak KDN, PDRM, dan JKR) menerusi proses perbandingan reka bentuk balai polis sediaada dengan menghubungkaitkan keperluan semasa SOP PDRM bagi menghasilkan balai polis yang lebih cekap;
- iii. Menambahbaik reka bentuk aspek keselamatan fizikal sesebuah balai polis bagi menangani masalah ancaman keselamatan terhadap anggota PDRM yang sedang bertugas; dan
- iv. Membantu mendapatkan anggaran awalan kos pembinaan yang lebih efektif bagi menyediakan sebuah balai polis (pada masa hadapan) yang

mengambilkira semua keperluan, garis panduan, dan kriteria yang telah ditetapkan.

### **1.9 Rumusan**

Keperluan terhadap fungsi reka bentuk senibinaan balai polis yang cekap dan mapan sudah semestinya perlu dititikberatkan. Kajian terhadap aliran kerja reka bentuk sebenar yang diperlukan bagi membolehkan pereka menyediakan ruang berfungsi dan mematuhi garis panduan, keperluan, serta SOP balai polis PDRM semasa juga perlu dikaji secara mendalam, di samping meneliti perkembangan isu-isu semasa seperti ancaman balas jenayah terhadap pasukan PDRM. Justeru, kajian ini dilaksanakan dengan serius dan juga berhati-hati kerana ancaman keselamatan adalah sesuatu yang perlu ditangani dengan sangat serius, tanpa kompromi, memandangkan kebergantungan masyarakat terhadap pasukan PDRM bagi menjaga keamanan dan ketenteraman dalam negara. Maka, diharapkan dapatan daripada kajian ini akan dapat menyumbang kepada penyediaan garis panduan yang lebih lengkap bagi mewujudkan proses reka bentuk balai polis yang lebih cekap, lebih baik, dan mapan supaya sentiasa relevan dengan mampu memenuhi setiap keperluan semasa dan SOP pihak PDRM dari semasa ke semasa. Kajian literatur dibentangkan dalam Bab 2.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

##### **Definisi keselamatan**

Perkataan keselamatan wujud bagi perihal selamat, sejahtera atau keamanan (DBP, 2017). Daripada perkataan keselamatan juga akan wujud syarat, kriteria, serta garis panduan yang ketat yang perlu dipatuhi terlebih dahulu sebelum takrifan perkataan keselamatan ini boleh digunapakai.

Menurut Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKK) keselamatan juga bermaksud “keadaan terlindungi daripada masalah fizikal, sosial, kewangan, politik, perasaan, psikologi, pekerjaan dan perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini (KPKK, 2006)”. Ini juga termasuk dalam konteks terlindung daripada sesuatu malapetaka atau kejadian yang berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi” (Wikipedia.org.com, 2017). Maksud lain keselamatan adalah memberi atau mendapatkan perlindungan, kepastian, dan jaminan di setiap peringkat lapisan yang berbeza (Cambridge, 2017).

Konsep keselamatan juga sinonim apabila dikaitkan dengan keperluan mematuhi sesuatu ‘prosedur operasi standard’ atau SOP kerja, sebagai contoh pemantauan setor senjata api di balai polis dan agensi keselamatan persendirian. Langkah-langkah keselamatan atau ‘*precaution plan*’ amat dititikberatkan di dalam aktiviti penyimpanan senjata api dan peluru, bagi mengelakkan kemudaratan seperti kemalangan, kematian atau kecederaan terhadap anggota dan kakitangan

keselamatan semasa mengendalikan senjata api di setor simpanan senjata (KDN, 2010). Justeru dalam menentukan kelangsungan kewujudan keadaan ‘terlindungi’ kepada aktiviti-aktiviti dalam sesebuah balai polis, terdapat beberapa elemen yang perlu diambil berat seperti dalam Jadual 2.1 di bawah (KPKK, 2006):

**Jadual 2.1** Elemen keperluan keselamatan dan ‘terlindungi’ (KPKK, 2006).

Bil.	Elemen keperluan keselamatan dan ‘terlindungi’	...merujuk kepada
1.	Pengguna bangunan	...keselamatan anggota dan kakitangan PDRM, yang termasuk hak-hak mereka sebagai pengguna akhir bangunan keselamatan.
2.	Dokumentasi dan data maklumat	...keselamatan tahap berperingkat dokumentasi dan data maklumat berkenaan dari tatapan umum sehingga ke peringkat sulit yang melibatkan hakcipta intelektual dan tahap keperluan mengetahui isi kandungan dokumen.
3.	Tempat tinggal	...keselamatan penghuni kuarters anggota dan kakitangan PDRM, terhadap keadaan persekitaran kuarters yang akan menentukan tahap penerimaan tempat tinggal berkenaan untuk didiami.
4.	Bangunan dan pejabat	...keselamatan menerusi peringkat lapisan ruang kerja dalam sesebuah bangunan dan pejabat bangunan keselamatan mengikut prosedur dan garis panduan pengoperasian yang telah ditetapkan bagi kakitangan bertugas.
5.	Organisasi dan masyarakat setempat	...keselamatan sesuatu organisasi dan masyarakat setempat yang harus dijamin demi kebaikan bersama dalam sesebuah komuniti.
6.	Pekerjaan	...keselamatan para anggota yang bertugas di dalam premis bangunan keselamatan (kecuali tentera dan pelaut) dari sebarang penyakit pekerjaan atau kemalangan pekerjaan.
7.	Negara	...keselamatan negara yang harus dilindungi melalui kerjasama serantau atau melalui pertahanan sendiri untuk memastikan tidak dimonopoli oleh kuasa-kuasa luar dari segi ekonomi, budaya, dan politik.

## **Pentadbir keselamatan**

Bagi memastikan keselamatan dapat diterjemahkan secara berkesan, penguatkuasa adalah entiti atau kumpulan pelaksana yang diberikan amanah serta tanggungjawab menjalankan auditan serta penguatkuasaan bagi memastikan keperluan elemen keselamatan ini dipatuhi. Badan penguatkuasa akan memainkan peranan yang penting dalam menguatkuasakan perlaksanaan keperluan undang-undang dan SOP kerja berkaitan bagi tujuan keperluan keselamatan senantiasa dipatuhi.

Menurut dokumen Majlis Keselamatan Negara (2016), bagi konteks bangunan keselamatan, badan penguatkuasa yang bertanggungjawab menggubal, memantau, dan melaksana peraturan-peraturan keselamatan adalah seperti senarai dalam Jadual 2.2 di bawah (MKN, 2016):

**Jadual 2.2** Badan penguatkuasa keselamatan (MKN, 2016).

Bil.	Badan penguatkuasa	...merujuk peranan sebagai
1.	Majlis Keselamatan Negara (MKN) Malaysia	...pihak berkuasa pusat bagi pihak kerajaan untuk mempertimbangkan dan memperakulkan dasar berkenaan keselamatan negara.
2.	Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (KPKKM)	...pihak yang menyediakan dasar, menyelia, dan memantau, pelaksanaan keselamatan negara yang diperakukan oleh MKN bagi kawasan keselamatan dan bangunan keselamatan.
3.	Pasukan keselamatan	...pihak yang melaksanakan operasi penguatkuasaan keselamatan iaitu Polis Di Raja Malaysia (PDRM), sukarelawan simpanan PDRM dan polis bantuan.

## **2.2 Definisi kecekapan**

Apakah yang dimaksudkan dengan kecekapan? Merujuk kepada takrifan kamus Oxford (2018) perkataan ‘kecekapan’ membawa maksud perkataan kata nama bagi ‘kecekapan’. Lanjutan takrifan kecekapan juga adalah merupakan ukuran kejayaan sesuatu aktiviti yang dinilai berdasarkan jumlah kos/sumber yang digunakan untuk mencapai hasil yang diinginkan. Di dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia, takrifan kecekapan turut termasuk dalam kumpulan maksud ‘ketepatan cara’ dalam melakukan sesuatu, dan kemampuan melaksanakan tugas dengan baik dan tepat tanpa membazir kos, waktu, dan tenaga (Indonesia, 2018).

## **Objektif dan manfaat kecekapan**

Tujuan penetapan tahap kecekapan adalah untuk memastikan keperluan dan kriteria bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti sehari-hari yang telah ditekankan objektif yang hendak dicapai. Secara umum matlamat kecekapan adalah seperti berikut:

- i. Mencapai objektif yang telah ditentukan;
- ii. Meningkatkan prestasi dan kualiti kerja yang bermanfaat kepada individu, kumpulan, organisasi, dan masyarakat; dan
- iii. Menggunakan sumber secara optimum dalam menjalankan aktiviti-aktiviti supaya tidak berlaku pembaziran.

Justeru, kecekapan yang optimum memerlukan usaha yang perlu dilaksanakan dengan kompeten untuk memperoleh manfaat dan hasil yang terbaik seperti yang ditentukan objektifnya di peringkat awal (KBI, 2019).

### **2.2.1 Kecekapan bangunan**

Kecekapan bangunan seringkali dikaitkan dengan bangunan yang mengambilkira pengaplikasian sistem-sistem yang memberi manfaat secara optimum bagi menyokong operasi sesebuah bangunan. Bagi mencapai kecekapan sesebuah bangunan yang diharapkan, ia memerlukan binaan bangunan yang mematuhi spesifikasi dan garis panduan yang telah disyaratkan (Energy, 2015). Justeru, bangunan yang efisen dapat menyediakan penghuni dengan kehidupan yang selesa, selamat, dan persekitaran kerja yang menarik serta meningkatkan produktiviti kerja menurut U.S.A. Department of Energy (2015). Bagi konteks kajian ini, definisi kecekapan bangunan oleh U.S.A. Department of Energy ini boleh diaplikasikan untuk diguna dan disuaipadan.

### **2.2.2 Kecekapan reka bentuk bangunan**

Sesebuah reka bentuk yang cekap tidak semesti hanya boleh dicapai di peringkat awal reka bentuk sesebuah bangunan. Reka bentuk bangunan sediaada turut boleh ditambahbaik dengan melakukan penyesuaian semula (*retrofit*) bagi menjadikan bangunan sediaada tersebut dapat beroperasi sepenuhnya bagi satu tempoh waktu yang lebih lama. Semasa menjalankan penyesuaian semula reka bentuk, antara kaedah penekanan kepada reka bentuk bangunan yang cekap boleh dicapai melalui pengintegrasian sistem-sistem keperluan bangunan seperti pencahayaan, pengudaraan, keselesaan terma, dan sampul bangunan ke dalam reka bentuk diperbaharui senibinaan sesebuah bangunan itu bagi mendapatkan produk akhir yang menjimatkan tenaga dan kos (Becqué et al., 2016), dan juga objektif pembinaan bangunan tersebut.

### **2.2.3 Kecekapan bangunan keselamatan (operasi dan fizikal)**


Sejurus berlakunya tragedi 11 September 2001 di Pusat Dagangan Dunia Amerika Syarikat, dasar keselamatan secara beransur-ansur menjadi semakin penting bagi masyarakat dunia, dan dalam konteks ini bangunan keselamatan turut tidak terkecuali bagi memastikan kecekapan operasinya adalah sejajar dengan dasar-dasar keselamatan (Coaffee & Fussey, 2015). Menurut Andrew Millie (2012), bangunan keselamatan seperti balai polis perlu mengikuti dasar-dasar keselamatan yang telah ditentukan dan turut berperanan menyediakan kemudahan infrastruktur dan persekitaran kerja yang kondusif kepada para anggota polis yang bertugas. Justeru, kecekapan sesebuah bangunan keselamatan seperti balai polis boleh dinilai melalui tahap kecekapan pasukan polis menjalankan tugas pencegahan jenayah semasa menggunakan kemudahan infrastruktur dan fasiliti disediakan di balai polis tersebut yang sepatutnya menepati dan memenuhi setiap keperluan dan SOP kerja pasukan PDRM.

### **2.3 Definisi bangunan keselamatan**

Merujuk kepada UPE (2015), takrifan bangunan keselamatan dipecahkan kepada tiga (3) fungsi komponen (zon) utama iaitu:

- i. Komponen (zon) pentadbiran – Zon I;
- ii. Komponen (zon) sokongan, operasi, dan setor – Zon II; dan
- iii. Komponen (zon) kemudahan fasiliti-fasiliti lain seperti lapang kawad, kuarters transit sementara, dan pagar keselamatan – Zon III.

Rajah 2.1 di muka surat berikut menunjukkan komponen (zon) bangunan keselamatan balai polis.



**Rajah 2.1** Komponen (zon) kepada bangunan keselamatan balai polis.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.

Dalam kajian ini, fokus hanyalah kepada bangunan balai polis sahaja. Bagi fungsi komponen (zon) pentadbiran, bangunan keselamatan menyediakan ruang bekerja sepetimana ruang pejabat bangunan am yang lain beroperasi. Walau bagaimanapun fungsi komponen (zon) sokongan, operasi dan setor memerlukan SOP yang berbeza dari komponen (zon) pentadbiran dan ia ditetapkan oleh jabatan masing-masing bagi setiap pasukan keselamatan. Sebagai contoh, SOP dan fungsi komponen (zon) sokongan seperti Cawangan Pengangkutan PDRM adalah lebih longgar dan berlainan berbanding dengan SOP dan fungsi komponen (zon) setor Cawangan Persenjataan PDRM yang memerlukan lapisan keselamatan yang sangat ketat kerana melibatkan urusan pengurusan senjata. Begitu juga dengan SOP dan fungsi komponen (zon) kemudahan fasiliti-fasiliti yang lain seperti lapang kawad (bagi tujuan latihan berkawad dan latihan taktikal operasi), pagar keselamatan (dengan ketinggian dan spesifikasi pagar mengikut tahap keperluan lapisan

keselamatan), dan kuarters transit sementara yang diperlukan untuk menempatkan anggota pasukan keselamatan yang bertugas (Gambar 2.1).




**Gambar 2.1** Contoh kompleks bangunan balai polis bersama kemudahan fasiliti yang lengkap.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.


Sebelum kajian dan perbincangan lanjut diteruskan, keperluan kepada pendedahan dan kefahaman awalan tentang sesebuah bangunan keselamatan balai polis dapat membantu tentang bagaimana sesebuah balai polis itu direkabentuk mengikut fungsi, keperluan, dan SOP yang telah ditentukan bagi sesebuah bangunan keselamatan.

Sehubungan itu, di muka surat berikut menunjukkan lakaran susunatur tapak bagi komponen (zon) balai bagi satu (1) bangunan balai polis (Rujuk rajah 2.2) yang dijadikan sebagai kajian rintis (*pilot study*) bersama-sama sembilan (9) bangunan balai polis (Rajah 2.3 hingga rajah 2.10) seperti senarai balai yang terdapat dalam Jadual 1.1, muka surat 6, untuk kajian ini.




**Rajah 2.2** Lakaran susunatur tapak di Balai Polis Aeropolis, IPD KLIA.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.




**Rajah 2.3** Lakaran susunatur tapak Balai Polis Dato' Abu Bakar Baginda.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.




**Rajah 2.4** Lakaran susunatur tapak Balai Polis Salak Tinggi, IPD Sepang.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.




**Rajah 2.5** Lakaran susunatur tapak di Balai Polis Sepang.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.




**Rajah 2.6** Lakaran susunatur tapak di Balai Polis Skudai.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.



**Rajah 2.7** Lakaran susunatur tapak di Balai Polis Taman Ungku Tun Aminah.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.



**Rajah 2.8** Lakaran susunatur tapak di Balai Polis Taman Universiti.

Sumber asal: Polis Diraja Malaysia.